

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian berikutan bertambahnya bilangan golongan miskin semasa dan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir akibat terkena bahang pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa prihatin dalam membantu golongan miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Antara bantuan yang telah dan akan diberikan ialah bantuan pengecualian sewa bulanan, sumbangan tunai, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan, bantuan persekolahan, kesihatan dan pengusaha tapak-tapak perniagaan.

KWP dengan kerjasama jabatan dan agensi di Wilayah Persekutuan telah melaksanakan inisiatif “Wilayah Cakna” sebagai usaha membantu rakyat di Wilayah Persekutuan yang terkesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kluster yang terlibat dalam inisiatif tersebut iaitu kluster petugas COVID-19, kluster pesakit / PUI COVID-19 dan kluster warga Wilayah Persekutuan. Golongan masyarakat yang dibantu dalam kluster warga Wilayah Persekutuan merangkumi golongan penjaja / peniaga dan golongan berpendapatan rendah.

Di antara jenis bantuan yang diberikan adalah:-

- 1) Pengecualian 6 bulan sewa kepada semua penyewa unit kediaman dan kedai di PPR/PA DBKL;
- 2) Penangguhan 6 bulan bayaran balik pembiayaan pembelian rumah PPR MTEN / PA DBKL bagi peserta Skim Pembiayaan Khas Pembelian Rumah SPWP;
- 3) Pengecualian sewa bulanan selama 6 bulan kepada penjaja di Kuala Lumpur;

SOALAN NO: 137

- 4) Pengecualian caj sewaan premis milik PPj seperti medan selera, pasar awam, *food truck* untuk tempoh 2 bulan;
- 5) Sumbangan RM500 kepada semua lesen penjaja di Kuala Lumpur;
- 6) Sumbangan bantuan kecemasan maksimum RM500 secara *one-off* kepada mereka yang terjejas pendapatan di Wilayah Persekutuan;
- 7) Pemberian sumbangan wang tunai RM100 menggantikan pemberian *food pack* kepada ketua keluarga penghuni rumah sewa dan rumah jual di PPR/PA DBKL yang layak;
- 8) Pemberian bantuan *food pack* yang mengandungi beras, minyak masak, tepung gandum dan gula kepada isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 di Putrajaya;
- 9) Pelaksanaan bantuan makanan, kebajikan dan kesihatan warga Labuan;
- 10) Bantuan makanan kepada gelandangan;
- 11) Mempercepatkan bantuan kewangan bulanan asnaf zakat kepada 19 Mac 2020 daripada tarikh asal 25 haribulan setiap bulan dan bantuan zakat khas tambahan sebanyak RM500 bagi setiap keluarga pada bulan April 2020;
- 12) Menjalankan program/aktiviti pembersihan/nyahkuman dan penyediaan *hand sanitizer* di semua rumah mampu milik di Putrajaya sepanjang tempoh PKP;
- 13) Pengecualian 6 bulan bayaran sewa perumahan awam dan premis niaga milik Perbadanan Labuan; dan
- 14) Pelaksanaan bantuan *one-off* RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil di Labuan.

SOALAN NO: 137

Selain itu, Kementerian turut menyediakan bantuan kepada golongan miskin di 178 kawasan perumahan rendah dan sederhana rendah di Kuala Lumpur melalui program MY5 iaitu MYJob, MYSchoolBus, MYMedic, MYGrocer dan MYFood.

- 1) MYJob adalah program yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak pemain industri dalam menawarkan peluang pekerjaan bagi masyarakat di Kuala Lumpur yang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19;
- 2) MYSchoolBus dilaksanakan untuk membantu meringankan beban ibu bapa dari golongan berpendapatan rendah yang mempunyai anak-anak bersekolah di kawasan perumahan kos rendah dan membantu menjana pendapatan kepada pengusaha bas sekolah tempatan;
- 3) MYMedic ialah program yang menyediakan perkhidmatan van medik bergerak ke kawasan perumahan kos rendah tanpa perlu ke klinik kesihatan;
- 4) MYGrocer diwujudkan dengan kerjasama strategik dengan pembekal barangan dapur supaya harga yang ditawarkan adalah lebih murah daripada pasar awam; dan
- 5) MYFood diwujudkan dengan kerjasama antara pelbagai pihak seperti NGO dan pihak swasta dalam usaha memberikan bekalan makanan asas percuma kepada yang memerlukan.

Kementerian juga turut menyediakan, bantuan kepada usahawan muda kota di Kuala Lumpur. Sebanyak 1,122 tapak niaga disediakan untuk golongan muda berniaga di kawasan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.